

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS LIABILITI AWAM (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Liabiliti Awam. (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan Kami: VER0324 Nama Penawar Khidmat Kewangan: Liberty General Insurance Berhad Nama Produk: Insurans Liabiliti Awam Tarikh: Mac 2024
---	--

Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion** anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatian kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Insurans Liabiliti Awam diperkenalkan untuk melindungi orang yang diinsuranskan dengan mengambil kira liabiliti sah untuk membayar pampasan bagi kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan hartabenda awam akibat kemalangan disebabkan oleh kecuaian orang yang diinsuranskan atau pekerja beliau atau oleh kecacatan pada premis dan termasuk bayaran perundangan dan perbelanjaan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Syarikat akan melindungi orang yang diinsuranskan terhadap keseluruhan jumlah yang ditanggung oleh orang yang diinsuranskan dari segi undang-undang untuk kerosakan serta kos dan bayaran yang dibuat oleh orang yang menuntut yang berkaitan dengan:-

- a) Kecederaan badan akibat kemalangan pada mana-mana individu yang tidak tinggal serumah dengan orang yang diinsuranskan atau mana-mana individu yang berkhidmat dengan orang yang diinsuranskan.
- b) Kerosakan akibat kemalangan pada harta tanah yang bukan milik atau dalam jagaan atau kawalan orang yang diinsuranskan.
- c) Sebarang perbelanjaan perundangan yang dikenakan pada orang yang diinsuranskan ketika mempertahankan prosiding undang-undang dengan kebenaran bertulis dari Syarikat.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderitan pihak kami dan jumlah diinsuranskan bagi harta tersebut.

Had Indemniti x kadar % (jika ada) : RM_____

Perlindungan tambahan : RM_____

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM_____

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen Ejen atau jika terdapat perantara yang terlibat	25%
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Setiap notis atau komunikasi perlu diberi kepada kami secara bertulis.
- b) Orang yang diinsuranskan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan dan perlu mematuhi semua keperluan statutori.
- c) Jika bayaran premium dikira berdasarkan pada anggaran, anda perlu menyerahkan semua dokumen yang relevan dalam tempoh satu bulan dari tarikh luput bagi membolehkan kami mengubahsuai bayaran premium yang betul.
- d) Jika terdapat mana-mana insurans lain yang memberi perlindungan ke atas liabiliti yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar melebihi kadar yang dinyatakan.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
 Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 **Laman Sesawang:** www.libertyinsurance.com.my
 (No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak menawarkan perlindungan untuk

- a) Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap liabiliti pihak yang diinsuranskan keatas pekerja kontraktor pihak yang diinsuranskan.
- b) Pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang pampasan kepada mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" dalam erti kata Undang-Undang.
- c) Pihak kami tidak akan membayar pihak yang diinsuranskan terhadap kerugian/ kerosakan, kecederaan akibat perang, pencerobohan, tindakan musuh asing.
- d) Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana jumlah diinsuranskan yang pihak diinsuranskan patut pulih dari mana-mana pihak disebabkan perjanjian antara pihak yang diinsuranskan dan pihak tersebut.
- e) Pekerjaan yang merbahaya - Pekerja letupan, Dandang Timbangan, Pembinaan Empangan, Pembinaan Kapal, dan lain-lain.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kadar jangkamasa pendek, di mana sebarang bayaran minimum premium bagi polisi tidak akan menerima bayaran balik

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menjurut saya?

Adalah penting anda memberitahu kami sebarang perubahan pada maklumat surat-menjurut anda. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menjurut dapat diterima dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web www.libertyinsurance.com.my atau hubungi mana-mana pejabat cawangan kami di seluruh negara, atau

Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3 Jalan Damansara,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

No. Telefon : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990

Emel : customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING: ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).